# BAHAGIAN A

*Jawab semua soalan dengan membulatkan pilihan jawapan yang betul.*

1. Manakah antara berikut merupakan sumber tenaga ?

   A. Bijih timah
   B. Batu arang
   C. Air hujan
   D. Tanah-tanih

2. Semua yang berikut adalah sumber yang boleh dibaharui *kecuali* …
   A. ikan
   B. tanah
   C. matahari
   D. emas



3. Bahan-bahan berikut diperlukan untuk membuat barangan di atas :
   I. besi
   II. getah
   III. kayu
   IV. batu

   A. I dan II
   B. I, II dan III
   C. I, II dan IV
   D. I, II, III dan IV

4. Negeri-negeri berikut mengeluarkan petroleum di Malaysia *kecuali* …
   A. Sabah
   B. Sarawak
   C. Terengganu
   D. Johor

Hasil hutan ⇒ kayu balak, damar dan hutan

5. Pernyataan di atas adalah mengenai hutan …
   A. belukar
   B. khatulistiwa
   C. gunung
   D. paya bakau

6. Hasil laut yang digunakan untuk membuat budu ialah …
   A. udang     C. kerang
   B. ketam     D. ikan bilis

7. Agensi utama yang terlibat dalam usaha penghutanan semula ialah …

   A. Jabatan Perhutanan Semula
   B. Unit Perancang Hutan
   C. Institut Pemulihan dan Perhutanan Malaysia
   D. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

8. Cara menangkap ikan yang tidak sesuai digunakan di pantai timur Semenanjung Malaysia ialah …
   A. jala
   B. pukat tarik
   C. kelong
   D. pukat tunda

9. Keadaan berjerebu disebabkan oleh …
   A. pencemaran air
   B. pencemaran bunyi
   C. pencemaran udara
   D. pencemaran laut

10. Hasil eksport Malaysia yang paling utama ialah …
    A. getah
    B. kelapa sawit
    C. petroleum
    D. barangan kilang

11. Manakah antara berikut adalah contoh industri berat ?
A. Membuat perabot
B. Memproses kelapa sawit
C. Membuat simen
D. Membaiki kereta

12. Barangan berikut dibuat daripada bijih timah *kecuali* …
A. peluru
B. batu jala
C. kotak pensel
D. pembungkus coklat

13. Prinsip Rukun Negara yang ketiga ialah …
A. kepercayaan kepada Tuhan
B. kedaulatan undang-undang
C. keluhuran perlembagaan
D. kesetiaan kepada raja dan negara

14. Manakah antara berikut adalah permainan tradisional negara kita ?
A. Bola sepak
B. Tenis
C. Sepak takraw
D. Badminton

15. Kilang penapis petroleum terletak di …….dan di ………
A. Pelabuhan Kelang, Labuan
B. Bintulu, Labuan
C. Kerteh, Lutong
D. Bintulu, Lutong

16. Berikut ialah akibat daripada banjir *kecuali* **…**
A. kehilangan nyawa dan harta benda.
B. aktiviti harian tergendala.
C. rancangan lima tahun Malaysia tidak dapat dilaksanakan.
D. sistem perhubungan seperti jalan raya dan jalan kereta api terputus.

| |
|---|
| PULAU PINANG<br><br>MELAKA<br><br>SABAH<br><br>SARAWAK |

17. Ketua negeri bagi negeri-negeri di atas dikenali sebagai …
A. Yang Dipertuan Negeri
B. Yang Dipertua Negeri
C. Ketua Menteri
D. Menteri Besar

18. Mahkamah yang digunakan untuk membicarakan seseorang yang berumur di bawah 18 tahun ialah …
A. Mahkamah Majistret
B. Mahkamah Tinggi
C. Mahkamah Juvana
D. Mahkamah Rayuan

19. Negara kita mula menumpukan perhatian kepada sektor industri kerana …

A. negara kita selalu mengalami bencana alam seperti banjir yang boleh memusnahkan hasil pertanian.
B. kawasan pertanian telah ditebusguna sebagai kawasan perumahan.
C. eksport utama negara kita yang kebanyakannya terdiri daripada bahan-bahan mentah tidak mendapat harga yang tetap di pasaran dunia.
D. sektor industri mendatangkan keuntungan yang lebih banyak berbanding dengan sektor pertanian.

20. Hutan di negara kita dianggap istimewa kerana sebab-sebab berikut *kecuali* ...

A. terdapat tumbuhan dan hidupan liar.
B. menjadi kawasan tadahan hujan.
C. terdapat kegiatan pertanian pindah.
D. membekalkan hasil hutan yang berguna.

21. Antara pernyataan berikut, yang manakah tidak benar ?

A. Kitar dan guna semula kertas buangan boleh menyebabkan pencemaran alam.
B. Hasil logam yang dilebur semula boleh digunakan untuk membuat kenderaan.
C. Dengan adanya proses guna semula kertas, kadar penebangan hutan dapat dikurangkan.
D. Kitar dan guna semula sisa buangan mengelakkan pembaziran.

22. Antara berikut, bahan-bahan apakah yang boleh digunakan untuk tujuan kitar dan guna semula ?

I. Plastik
II. Besi sekerap
III. Suratkhabar
IV. Tanih

A. I dan II
B. III dan IV
C. I, II dan III
D. I, II, III dan IV

23. Sektor perindustrian menyumbangkan peluang pekerjaan seperti berikut *kecuali*...

A. konduktor
B. pekerja mahir
C. pengilang industri
D. pekerja separuh mahir

24. Apakah kesan Rukun Negara ke atas rakyat Malaysia ?

A. Rakyat Malaysia akan bersatu menentang penindasan.
B. Rakyat Malaysia akan lebih peka terhadap perkembangan di seluruh dunia, terutamanya di dunia Islam.
C. Rakyat Malaysia akan sentiasa patuh kepada kerajaan dan tidak menentang sebarang dasar atau rancangan kerajaan.
D. Rakyat Malaysia dapat memupuk semangat setiakawan dan kecemerlangan di kalangan mereka.

25. Antara jenis perkhidmatan pengangkutan di negara kita yang tidak membawa penumpang ialah ...

A. feri
B. kapal terbang
C. kontena
D. teksi

______
25